



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Utusan Malaysia - Dr Mahathir Syorkan GST

Utusan Malaysia - Dr Mahathir Syorkan GST

🕒 Jumaat, Nov 10 2017



'Dr. Mahathir syorkan GST'

UTUSAN 10/11

KUALA LUMPUR 10 Nov. - Datuk Seri Najib Tun Razak mendedahkan hakikat sebenar bahawa pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) di negara ini telah disyorkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika era pentadbiran bekas Perdana Menteri itu.

Perdana Menteri memberitahu, Dr. Mahathir bagaimanapun membuat pusingan-U pada hari ini apabila mahu menggantikan GST yang disyorkannya itu dengan cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Katanya, SST yang mahu diguna pakai Dr. Mahathir merupakan sistem lapuk selain mempunyai masalah per-cukaian bertindih, perhitungan berganda dalam pengiraan nilai produk serta isu ketirisan ma-

Waktu Solat						
SUBUH SYURUK ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK						
KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya						
5.40	6.57	1.00	4.21	6.58	8.10	
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya						
5.47	7.04	1.05	4.26	7.01	8.13	
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya						
5.33	6.50	12.54	4.15	6.53	8.04	
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya						
5.29	6.48	12.51	4.13	6.52	8.03	
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya						
5.04	6.19	12.27	3.48	6.27	7.39	

Pekeliling
Perbendaharaan

BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

produk serta isu ketidisan manipulasi pemborong dan penjual. Jelas beliau, pengenalan sistem SST itu bukan sahaja keterbelakang, malah membebankan rakyat secara tersembunyi.

“Dr. Mahathir tahu akan perkara ini dan pernah memperakui GST lebih baik daripada SST. Hal ini kerana pentadbiran beliau sendirilah yang mengesyorkan kita menaik taraf kepada GST.

“Sekali lagi beliau melakukan u-turn,” katanya menerusi rakaman audio di laman blog *najibrazak.com* hari ini

Mengulas lanjut, Perdana Menteri menjelaskan, dari segi perbandingan sistem, GST adalah lebih moden dan sistematik berbanding SST.

Bagaimanapun katanya, bagi mengemis undi, Dr. Mahathir ingin menampilkan seolah-olah pembangkang akan menghapuskan GST dan menggantikannya dengan SST yang kadarnya tidak dimaklumkan kepada pembeli.

“Bukankah ini satu pembohongan? Di bawah SST adalah tidak perlu untuk penjual

Dr. Mahathir bagaimanapun membuat pusingan-U pada hari ini apabila mahu menggantikan GST yang disyorkannya itu dengan cukai jualan dan perkhidmatan (SST)."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

maklum jumlah cukai dalam resit.

“Jadi, mereka boleh mengenakan cukai pada kadar yang tidak boleh dikawal penguat kuasa dan rakyat juga tidak sedar mereka masih dicukai walaupun diberitahu GST dimansuhkan,” tegas beliau.

Dalam pada itu, Najib memberi peringatan kepada pembangkang supaya tidak menipu rakyat kononnya akan menggantikan GST dengan SST yang tersembunyi dan lapuk.

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)